

Pengabaian Kanak-Kanak dan Jaminannya Menurut Syarak dan Undang-Undang di Malaysia

Child Neglect and Legal Protection According to Shariah and Law in Malaysia

NURUL IZZAH IZZATI HASHIM, Universiti Kebangsaan Malaysia
WAFAA YUSOF, Universiti Kebangsaan Malaysia
ZULIZA MOHD KUSRIN, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kadar kes pengabaian kanak-kanak yang berlaku di Malaysia semakin hari semakin membimbangkan. Berdasarkan statistik yang dilaporkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak 1769 kes pengabaian kanak-kanak telah berlaku pada tahun 2013, 2035 kes pada tahun 2014, 2236 kes pada tahun 2015, 2547 kes pada tahun 2016, 2410 kes pada tahun 2017 dan 1318 kes sehingga Jun 2018. Trend ini menunjukkan seolah-olah tiada langkah penyelesaian yang efektif dan jelas diambil. Memang tidak dinafikan bahawa undang-undang merupakan salah satu mekanisme yang digunakan untuk menangani isu ini, namun, sejauh manakah keberkesannya perlu kepada perbincangan lanjut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis jaminan undang-undang yang melindungi kanak-kanak daripada diabaikan oleh ibu bapa atau penjaga menurut syarak dan undang-undang di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa pengabaian kanak-kanak merupakan satu pelanggaran terhadap tanggungjawab yang diamanahkan kepada ibu bapa atau penjaga dalam melindungi kanak-kanak. Antara jaminan menurut hukum syarak terhadap hak kanak-kanak daripada diabaikan seperti hadanah, penyusuan, nafkah, harta pusaka, perwalian dan nasab. Sementara di bawah perundangan sivil pula, terdapat empat jaminan yang diberikan penekanan dalam melindungi kanak-kanak, iaitu hak untuk hidup, hak untuk mendapat perlindungan, hak perkembangan dan hak penyertaan. Kedua-dua perundangan ini juga mempunyai objektif yang sama dalam memberikan perlindungan, pemeliharaan, perkembangan dan penyertaan. Kajian ini diharapkan mampu memberikan penjelasan tentang jaminan perlindungan terhadap kanak-kanak yang diabaikan di Malaysia.

Kata kunci: pengabaian kanak-kanak, perlindungan perundangan, kanak-kanak di Malaysia, hak kanak-kanak, perlindungan kanak-kanak

ABSTRACT

Child neglect cases in Malaysia are increasingly at an alarming rate. Based on statistics reported by the Department of Social Welfare (JKM), 1769 cases of child neglect occurred in 2013, 2035 cases in 2014, 2236 cases in 2015, 2547 cases in 2016, 2410 cases in 2017 and 1318 cases up to June 2018. This trend shows that there has not yet been any effective measure to curb this issue. Undoubtedly, legal provision is one of the mechanisms used to address this issue, however, the extent of effectiveness of the law needs further discussion. Therefore, this study aims to analyze the legal protection of children from being neglected by parents or guardians in Malaysia and under Islamic law. The result suggests that child neglect is a violation of responsibility entrusted to parents or guardians in protecting children's rights. Islamic law clearly safeguards children's rights on matters related to custodianship, breastfeeding, maintenance, inheritance, guardianship and paternity. Meanwhile, civil law guarantees child protection in their right to life, right to development and right to participation. Both of these laws also have some similar objectives in providing protection, preservation, development and participation. This study is expected to provide an explanation of the legal protection for neglected children in Malaysia.

Keywords: child neglect, legal protection, children in Malaysia, child rights, child protection

PENGENALAN

Islam sangat mengiktiraf hak dan kedudukan setiap manusia. Perkara ini menjadi kepentingan setiap individu untuk mendapatkan keistimewaan masing-masing tanpa memudaratkan individu lain berlandaskan hukum syarak termasuklah kanak-kanak. Menurut Islam, kanak-kanak ditakrifkan sebagai seorang yang masih belum baligh atau diistilahkan belum dewasa atau belum *mumayyiz*. Hal ini dapat dilihat apabila mereka tidak mampu

melakukan sesuatu perbuatan tanpa pertolongan orang lain seperti makan, minum dan bersuci (al-Qalyubi 1965). Di Malaysia, secara umumnya, kanak-kanak ditakrifkan sebagai seorang yang berumur kurang daripada 18 tahun yang diselaraskan dengan Artikel 2, Perisytiharan tentang Hak Kanak-kanak 1989. Kebanyakan kanak-kanak peringkat umur ini sering menjadi mangsa pengabaian sehingga menjejaskan hak dan kedudukan mereka sebagai kanak-kanak.

Pelancaran Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan pada tahun 2009 merupakan salah satu inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan jaminan keselamatan kepada kanak-kanak. Dasar ini diwujudkan untuk memberikan kesedaran kepada pelbagai pihak dalam perlindungan dan penyediaan persekitaran yang selamat kepada kanak-kanak daripada apa-apa pengabaian. Pengabaian kanak-kanak merupakan satu bentuk kegagalan pihak penjaga dalam menyempurnakan segala keperluan fizikal dan emosi kanak-kanak dari segi pemakanan, perlindungan, pendidikan, kesihatan dan keselamatan dalam menjamin kelangsungan hidup yang berterusan (Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan 2016).

Kes pengabaian kanak-kanak di Malaysia sering dilaporkan di muka utama akhbar dan ditularkan di laman-laman sosial seperti Facebook, WhatsApps, Twitter dan sebagainya. Kes-kes ini semakin hari semakin meningkat dari tahun ke tahun. Data daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat merekodkan 12,315 kes pengabaian kanak-kanak didaftarkan di seluruh negara sepanjang lima tahun iaitu bermula 2013 hingga Jun 2018. Secara puratanya kira-kira hampir 400 kanak-kanak diabaikan setiap tahun oleh ibu bapa atau penjaga yang majoritinya berbangsa Melayu dan beragama Islam (Aminah Ayob 2017).

Pengabaian kanak-kanak membabitkan pelbagai bentuk tindakan dan peninggalan yang dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga sama ada di rumah atau di tempat awam. Sebagai contoh kes di rumah membabitkan kanak-kanak lemas di dalam baldi, terjatuh bangunan, terbakar bermain mercun, dilanggar ibu bapa sendiri dan sebagainya. Begitu juga kes di tempat awam seperti terjatuh eskalator, lemas di pusat peranginan, tertinggal di dalam kereta, diculik, dibunuh dan sebagainya. Hal ini berlaku akibat kekurangan pemantauan, kelalaian serta ketidakpekaan ibu bapa atau penjaga dalam mengawal setiap tingkah laku, tindakan, kelakuan dan aktiviti anak-anak sehingga berlaku perkara yang tidak diingini (Utusan 2018).

Rentetan daripada kes yang berlaku, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan antaranya adalah dengan memperketat peruntukan sedia ada dalam Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016. Antara pindaan yang dibuat adalah dengan menaikkan hukuman penalti kepada pesalah dalam seksyen 31(1)(a), hukuman denda dinaikkan kepada RM50,000 dan penjara 20 tahun. Secara jelas, hukuman yang dilaksanakan ini sebagai satu usaha untuk memberikan pengajaran dan membela nasib kanak-kanak atas perlakuan ibu bapa atau penjaga sendiri. Berdasarkan peningkatan dan penurunan kes pengabaian kanak-kanak, sejauh manakah Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan dan undang-undang yang digubal serta dipinda ini mampu menghasilkan sesuatu yang positif dalam isu ini. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis peruntukan undang-undang berkaitan dengan

perlindungan terhadap kanak-kanak daripada diabaikan oleh ibu bapa atau penjaga serta pendirian Islam dalam isu ini. Perbincangan juga memfokuskan undang-undang yang menjamin hak kanak-kanak daripada diabaikan oleh ibu bapa atau penjaga di Malaysia.

BENTUK-BENTUK PENGABAIAN KANAK-KANAK OLEH IBU BAPA ATAU PENJAGA

Bentuk-bentuk pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa atau penjaga dapat diklasifikasikan mengikut empat hak utama kanak-kanak yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) berdasarkan Perisytiharan tentang Hak Kanak-kanak 1989 selari dengan Dasar Kanak-kanak Negara (Norsaleha et.al 2018). Hak-hak itu meliputi hak perlindungan, hak kehidupan, hak perkembangan, dan hak penyertaan. Berdasarkan strategi Dasar Kanak-kanak Negara dalam hak perlindungan, hak ini berkaitan dengan pengawasan dan pengawalan yang diperlukan dalam sesebuah komuniti keluarga untuk memberikan perlindungan kepada kanak-kanak.

Hak kehidupan kanak-kanak memerlukan penyediaan keperluan asas mereka seperti identiti, tempat tinggal, makanan, minuman, pakaian, kasih sayang, dan persekitaran yang kondusif dan mesra. Hak perkembangan dan penyertaan pula merangkumi pendidikan daripada sekolah rendah sehinggalah universiti, kesihatan dan menyatakan pendapat dalam sesuatu urusan pentadbiran atau undang-undang. Jika hak-hak ini tidak dipenuhi maka berlakulah bentuk-bentuk pengabaian sehingga menyebabkan hak dan keadilan kanak-kanak tidak terbelas (Child Rights Coalition Malaysia 2012).

1. Pengabaian Pengawasan Dan Pengawalan

Statut di Malaysia menggambarkan pengabaian anak sebagai kegagalan ibu bapa atau penjaga dalam penjagaan, pemantauan dan pengawalan anak yang sewajarnya sama ada dalam atau luar jangkauan mereka. Perkara ini berlaku apabila ibu bapa atau penjaga telah mengabaikan, lalai, bertindak secara cuai dengan meninggalkan dan mendedahkan kanak-kanak kepada bahaya sehingga berlaku kemalangan yang mengakibatkan kecederaan, kecacatan dan kematian (Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016). Menurut Ramzi Zakaria (2015), kebiasaannya bentuk pengabaian ini merangkumi pengabaian terhadap fizikal kanak-kanak.

Kes seperti ini membabitkan ibu bapa atau penjaga lalai dan cuai dalam memantau gerak geri anak-anak sama ada di rumah mahupun di tempat awam sehingga mendedahkan mereka kepada bahaya. Sebagai contoh kes maut yang berlaku kepada kanak-kanak perempuan sebelas bulan selepas dijumpai lemas di dalam baldi berisi air di rumahnya di Tumpat, Kelantan. Ketika kejadian, ibunya sedang menyuapkan mihun dan lima minit kemudian anaknya hilang daripada pandangan.

Ibunya tidak menyedari anaknya bermain baldi yang berisi air akibat terlindung tiang rumahnya (Rohana Ismail 2018). Begitu juga kes yang dilaporkan membabitkan seorang kanak-kanak lelaki berusia 2 tahun maut digilis bapanya sendiri di hadapan sebuah restoran. Kejadian itu berlaku apabila kanak-kanak terbabit terjatuh selepas ibunya membuka pintu kereta yang menyebabkan bapanya yang terkejut terus tertekan pedal minyak dan menggilis mangsa (Berita Harian 2018).

Selain itu, ibu bapa yang suka membiarkan anak tanpa pengawasan yang sepatutnya di rumah, di dalam kereta atau sebagainya juga dikategorikan di bawah jenis pengabaian ini. Kes-kes ini berlaku apabila ibu bapa mengabaikan dan meninggalkan kanak-kanak tanpa pengawasan dalam tempoh dan keadaan yang telah ditetapkan bagi menjamin keselamatan kanak-kanak. Sebagai contoh, kes yang dilaporkan pada 11 Januari 2017, membabitkan seorang wanita telah dijatuhi hukuman denda RM10,000 atau penjara setahun dan menjalani khidmat masyarakat selama 240 jam akibat meninggalkan anaknya yang berusia tiga tahun dalam keadaan yang tidak berpatutan di sebuah rumah sewa (Astro Awani 2017). Begitu juga dengan kes seorang bapa yang telah didakwa di Mahkamah Sesyen kerana melakukan pengabaian sehingga menyebabkan anak perempuannya meninggal dunia. Kanak-kanak tersebut maut selepas bapanya terlupa dan meninggalkannya selama lapan jam di dalam kereta untuk pergi bekerja (Sarah Zulkifli 2018).

Begitu juga dengan kes yang berlaku di Ampang yang membabitkan kanak-kanak lelaki berusia empat tahun tujuh bulan dilaporkan maut selepas terjatuh dari tingkat lapan rumahnya di Ampang. Kejadian berlaku apabila kanak-kanak terbabit ditinggalkan bersendirian oleh pengasuhnya (Norhidayu Mohd. Hasan 2015). Kes-kes sebegini wajar diambil tindakan dan didakwa mengikut peruntukan sedia ada yang telah digubal oleh kerajaan. Menurut Roos Niza (2017), peruntukan yang diwujudkan ini bukan untuk meletakkan kesalahan di bahu ibu bapa atau penjaga semata-mata tetapi untuk dijadikan pengajaran agar penjaga sentiasa peka kepada elemen yang boleh mengancam keselamatan nyawa kanak-kanak.

2. Pengabaian Hak Asasi

Menurut Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016, kanak-kanak dianggap diabaikan dari segi hak asasi jika segala bentuk pemeliharaan terhadap keperluan asas kanak-kanak seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat perlindungan telah diabaikan dan tidak dipedulikan kepentingannya oleh ibu bapa atau penjaga (Akta kanak-kanak (Pindaan) 2016; Norsaleha et.al 2018). Menurut UNICEF (2010), kanak-kanak yang diabaikan dalam bentuk ini boleh dikenal pasti melalui tanda dan simptom yang jelas. Antaranya ialah kanak-kanak kelihatan tidak bermaya atau kurus kering atau kembung perut akibat kekurangan zat makanan. Dari segi pakaian

dan tempat perlindungan pula, mereka tidak berpakaian sesuai dan sering merayau-rayau akibat tiada tempat tinggal untuk berlindung. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa keperluan nafkah mereka telah diabaikan oleh ibu bapa atau penjaga.

Pengabaian ini sering berlaku dalam keluarga yang berpendapatan rendah. Kesempitan dan kemiskinan hidup yang dialami oleh mereka menyebabkan mereka gagal untuk memenuhi segala keperluan asas anak-anak (Norsaleha et.al 2018). Tambahan pula, zaman yang semakin mencabar seiring dengan peningkatan ekonomi dunia yang semakin kritikal akan menambahkan lagi kes kanak-kanak yang diabaikan dari segi keperluan asasi ini. Contohnya, terdapat kes kanak-kanak berusia antara 2 hingga 6 tahun yang ditinggalkan oleh ibu bapa mereka di sebuah rumah. Ibu bapa mereka keluar bekerja selama seminggu. Hal ini menyebabkan kanak-kanak itu berada dalam keadaan tidak terurus akibat kekurangan makanan, pakaian dan penjagaan (Azizi Majid 2017).

Di samping itu juga, ibu bapa atau penjaga yang terlibat dengan kes jenayah seperti dadah, judi, dan minum arak juga menyumbang kepada pengabaian dalam bentuk ini. Hal ini dapat dilihat dalam kes yang dilaporkan yang membabitkan seorang ibu yang merupakan penagih dadah yang diceraikan oleh suaminya. Ibu terbabit telah mengabaikan anak-anaknya berusia setahun sehingga 11 tahun dengan tidak pernah menyediakan keperluan bersekolah, pakaian, makan minum malah lebih malang mereka tinggal dalam timbunan sampah (Vivi Sumanti 2017). Hal ini jelas menunjukkan sikap ibu bapa ini telah mengabaikan hak asasi dan perkara ini jika tidak dihalang akan memberikan kesan yang buruk kepada kanak-kanak.

3. Pengabaian Lain-Lain

Pengabaian-pengabaian lain merupakan pengabaian yang dilakukan secara langsung atau tidak langsung oleh ibu bapa atau penjaga (Norsaleha et.al 2018). Menurut Fairus Bahari (2019), peruntukan bagi melindungi kanak-kanak daripada pengabaian-pengabaian lain telah diperuntukkan dalam Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 seksyen 17(1)(g) (i) (j) (k). Secara keseluruhannya, pengabaian lain-lain ini termasuklah seperti kes pembuangan bayi, kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu bapa atau penjaga, ibu bapa atau penjaganya gagal untuk mendapatkan pemeriksaan yang sewajarnya kepada kanak-kanak apabila diperlukan serta kes membabitkan kanak-kanak yang dijadikan pengemis atau penerima sedekah di tempat-tempat tidak sepatutnya yang boleh mendatangkan bahaya kepada mereka.

Secara umumnya, peruntukan di atas menjelaskan hak kanak-kanak yang diabaikan dari segi kesihatan, pendidikan, dan emosi. Jika ditinjau kanak-kanak yang diabaikan dalam keadaan sebegini, kebanyakan berpunca daripada kemiskinan yang dihadapi oleh ibu bapa atau penjaga seperti yang terjadi dalam pengabaian hak asasi. Kajian

UNICEF (2016) menunjukkan kesan tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak terjejas akibat kemiskinan yang dihadapi. Kajian Noralina Omar (2016) turut menyokong bahawa kanak-kanak yang miskin boleh terdedah kepada kemunduran pendidikan dan kesihatan akibat prasarana asas yang tidak mencukupi.

Pengabaian ibu bapa atau penjaga untuk menitikberatkan kesihatan kanak-kanak dapat menjejaskan kesihatan kanak-kanak sehingga berlaku ruam yang teruk, jatuh sakit tanpa mendapatkan rawatan yang sewajarnya, menunjukkan simptom penyakit yang tidak dirawat dan semakin teruk seperti kudis buta, kutu dan penyakit kulit yang lain (UNICEF 2010). Sebagai contoh, seorang bayi perempuan berusia 14 bulan telah maut akibat jangkitan Difteria atau akut pernafasan. Perkara ini berlaku apabila bayi terbabit tidak pernah menerima apa-apa rawatan imunisasi atau pencegahan akibat keegangan daripada keluarganya. Kegagalan memberikan imunisasi ini bukan sahaja mendedahkan kanak-kanak kepada jangkitan kuman, malah lebih teruk lagi boleh membahayakan komuniti (Ibrahim Isa 2018). Menurut Jabatan Kesihatan Perak, ibu bapa atau penjaga yang mengabaikan kesihatan dan masih enggan untuk memberikan imunisasi kepada anak-anak boleh dikenakan tindakan undang-undang (Safina Ramli 2016).

Sementara itu, hak pendidikan yang diabaikan akan menyebabkan mereka tercicir dalam pelajaran dan menyebabkan mereka ketinggalan dalam kehidupan. Kanak-kanak berhak mendapatkan pendidikan yang berkualiti dan ibu bapa atau penjaga sepatutnya memikirkan cara dalam penyediaan pendidikan kepada mereka. Hak pendidikan ini bukan bertumpu pada kanak-kanak normal sahaja, malah juga kepada kanak-kanak istimewa. Kebanyakan ibu bapa menjadikan kemiskinan sebagai alasan kanak-kanak tidak didedahkan dengan pendidikan. Tambahan pula, kesibukan mereka bekerja menjadikan ibu bapa atau penjaga mengabaikan hak dan keperluan dalam pendidikan seseorang kanak-kanak (Borneo Today 2016).

Kes-kes ini telah menyebabkan perkembangan kanak-kanak terbantut dan secara tidak langsung akan memberikan kesan kepada fizikal dan emosi mereka. Perkara ini jika tidak diambil tindakan yang sewajarnya akan memberikan impak yang buruk kepada perkembangan kesihatan fizikal, kognitif dan sosial kanak-kanak (Subathirah Chelapah et.al 2017). Oleh itu, ibu bapa atau penjaga haruslah memainkan peranan yang penting dalam memantau dan memerhati keadaan atau gerak-geri anak-anak di samping menyediakan keperluan yang mencukupi. Tindakan yang rasional dan berhati-hati dalam segala tingkah laku akan menghalang kejadian yang tidak diingini kepada kanak-kanak.

TREND PENGABAIAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA

Jumlah kanak-kanak di Malaysia secara keseluruhannya ialah seramai 9.4 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2018). Daripada jumlah ini, sebahagian besar daripada mereka telah menjadi mangsa pengabaian ibu bapa atau penjaga. Perkara ini telah dibuktikan dengan statistik kes yang dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menunjukkan bahawa sebanyak 12,315 kes telah dilaporkan sepanjang tahun 2013 hingga Jun 2018. Masalah ini menjadi trend peningkatan pada keseluruhan tahun kecuali pada tahun 2017 yang menunjukkan rekod penurunan kes. Jadual 1 di bawah menunjukkan secara jelas statistik peningkatan dan penurunan kes pengabaian kanak-kanak yang berlaku sepanjang tahun 2013 hingga Jun 2018.

Jadual 1 Statistik Kes Pengabaian Kanak-kanak di Malaysia

| Tahun | Jumlah kes |
|---------------|--------------|
| 2013 | 1769 |
| 2014 | 2035 |
| 2015 | 2236 |
| 2016 | 2547 |
| 2017 | 2410 |
| Jun 2018 | 1318 |
| Jumlah | 12315 |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Berdasarkan jadual di atas, terdapat 1769 kes telah dilaporkan pada tahun 2013. Jumlah ini meningkat kepada 2035 kes pada tahun 2014 dan 2236 kes pada tahun 2015. Kemudian, statistik ini terus meningkat pada tahun 2016 kepada 2547 kes. Walau bagaimanapun, penurunan kes telah direkodkan pada tahun 2017, iaitu 2410 kes. Namun pada keseluruhan tahun 2018 dijangka jumlah kes akan terus meningkat. Hal ini berdasarkan anggaran jumlah yang dibuat sehingga Jun 2018. Secara keseluruhan, kanak-kanak perempuan mencatatkan jumlah 6818 kes adalah lebih tinggi berbanding dengan kanak-kanak lelaki dengan catatan 5497 kes.

Peningkatan ini menunjukkan satu kebimbangan yang tiada penghujung setiap tahun jika pencegahan tertentu tidak dilaksanakan. Data-data yang dikeluarkan ini hanyalah merujuk bilangan kes yang dilaporkan. Hal ini kerana, mungkin masih terdapat kes-kes tersembunyi yang tidak dilaporkan atau kegagalan pengesanan oleh pihak berkuasa (Utusan 2018). Kebanyakan kes yang berlaku berpunca daripada orang yang rapat dengan kanak-kanak. Perkara ini disokong oleh statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 Statistik Kes Pengabaian Kanak-kanak Mengikut Orang yang Bertanggungjawab Menyebabkan Kanak-kanak Tidak Diberi Pemeliharaan dan Perlindungan

| Pengabai kanak-kanak | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | Jun 2018 |
|----------------------|------|------|------|------|------|----------|
| Ibu | 1011 | 1228 | 1422 | 1488 | 1551 | 864 |
| Bapa | 777 | 995 | 878 | 975 | 867 | 520 |
| Pengasuh | 208 | 186 | 211 | 328 | 396 | 236 |
| Saudara mara | 206 | 252 | 204 | 198 | 214 | 140 |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Jadual ini menunjukkan bahawa ibu merupakan individu yang paling banyak melakukan pengabaian kepada anak-anak dengan rekod peningkatan yang tinggi setiap tahun. Kemudian diikuti dengan bapa, pengasuh dan saudara mara. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kes pengabaian yang berlaku hanya membabitkan golongan yang rapat dengan kanak-kanak. Hal ini kerana golongan ini sahaja yang dilihat boleh diberi kepercayaan untuk menjaga dan memelihara keselamatan anak-anak daripada apa-apa kejadian. Namun tidak dapat disangkal bahawa dalam memberi perlindungan yang terbaik, pasti wujud kecuai dan kelalaian yang menyebabkan berlaku kemalangan sehingga menyebabkan kematian mahupun kecederaan. Selain itu, kes-kes yang berlaku di beberapa buah negeri juga telah mencatatkan rekod tertinggi kes pengabaian kanak-kanak seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 Statistik Kes Pengabaian Kanak-kanak Mengikut 5 Negeri Tertinggi

| Tahun | Negeri | | | | |
|----------|----------|--------------|-------|-------|---------|
| | Selangor | Kuala Lumpur | Kedah | Perak | Sarawak |
| 2013 | 1142 | 848 | 460 | 352 | 219 |
| 2014 | 1359 | 775 | 446 | 343 | 248 |
| 2015 | 1398 | 811 | 434 | 271 | 252 |
| 2016 | 1577 | 888 | 493 | 353 | 251 |
| 2017 | 1686 | 1009 | 402 | 300 | 316 |
| Jun 2018 | 962 | 513 | 200 | 144 | 217 |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Jadual 3 di atas menunjukkan statistik pengabaian kanak-kanak mengikut negeri. Negeri-negeri yang dipilih ini merupakan antara lima negeri tertinggi yang mencatatkan rekod pengabaian kanak-kanak dari tahun 2013 hingga Jun 2018. Jika dilihat, Selangor merupakan negeri paling tinggi yang mencatatkan jumlah kes pengabaian kanak-kanak setiap tahun. Kemudian, diikuti dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Perak dan Sarawak. Analisis menunjukkan bahawa faktor tumpuan penduduk, faktor geografi dan tahap

ekonomi telah mempengaruhi corak data peningkatan negeri-negeri tersebut. Justifikasi kepada peningkatan statistik ini menunjukkan bahawa negeri-negeri tersebut merupakan bandar-bandar utama yang mempunyai kepadatan penduduk. Dari segi geografi pula menunjukkan kawasan ini sesuai untuk pembangunan ekonomi dan perkembangan sosial. Selain itu, tumpuan seterusnya diberikan kepada Jadual 4 di bawah, iaitu berkaitan dengan statistik pengabaian kanak-kanak mengikut jenis pengabaian.

Jadual 4: Statistik Kes Pengabaian Kanak-kanak Mengikut Jenis Pengabaian

| Tahun / Jenis | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | Jun 2018 | Jun-18 |
|-----------------------|------|------|------|------|------|----------|--------|
| Pengabaian pengawasan | 417 | 450 | 385 | 438 | 415 | 200 | 2305 |
| Pengabaian hak asasi | 1076 | 1309 | 1516 | 1827 | 1824 | 860 | 8412 |
| Pengabaian lain | 276 | 276 | 335 | 282 | 171 | 258 | 1598 |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Berdasarkan Jadual 4 di atas, kes pengabaian kanak-kanak diklasifikasikan kepada tiga jenis, iaitu pengabaian pengawasan dan pengawalan, pengabaian hak asasi dan pengabaian lain. Jenis-jenis ini dikhususkan mengikut susunan daripada peruntukan Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016. Jika dilihat dari tahun 2013 hingga Jun 2018, pengabaian hak asasi telah mencatatkan rekod tertinggi dengan jumlah kes sebanyak 8412. Jumlah ini menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa atau penjaga gagal dalam memantau dan memenuhi keperluan asas kanak-kanak dengan sempurna.

Pengabaian pengawasan dan pengawalan telah mencatatkan rekod kedua tertinggi, iaitu sebanyak 2305 kes. Pengabaian jenis ini melibatkan ibu bapa atau penjaga yang cuai dan lalai menjalankan pengawasan dan pengawalan yang sewajarnya terhadap kanak-kanak. Pengabaian lain pula mencatatkan rekod terendah dengan jumlah 1598 kes. Pengabaian jenis ini dilakukan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh ibu bapa atau penjaga. Hal ini merangkumi kes-kes seperti kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu bapa atau telah dibuang, tidak dibawa untuk mendapatkan rawatan dan kanak-kanak yang telah di diskriminasi hak mereka dengan menjadi pengemis atau peminta sedekah (Norsaleha et.al 2018).

PERLINDUNGAN TERHADAP HAK KANAK-KANAK YANG DIABAikan MENURUT SYARAK DAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

Allah SWT telah memerintah supaya ibu bapa atau penjaga melaksanakan tanggungjawab yang

sempurna terhadap penjagaan dan perlindungan anak-anak daripada diabaikan. Hal ini penting kepada anak-anak demi meneruskan kehidupan pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, jika bentuk perlindungan ini tidak dititik beratkan oleh ibu bapa atau penjaga menyebabkan berlaku pengabaian kepada kanak-kanak.

Secara umumnya, pengabaian dalam Islam diambil daripada perkataan Arab iaitu *tafrit* atau *taqsir* iaitu suatu kecuaihan yang timbul dalam diri seseorang sehingga menyebabkan berlaku perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan dan memberi kemudaratan kepada seseorang seperti mana yang tidak diharuskan oleh syarak (Ibn Manzur, t.tn; al-Baqā', 1992; al-Zuhaili, 1998). Istilah *tafrit* boleh dirujuk dalam al-Qur'an, al-Zumar (39:56) yang bermaksud: Allah SWT memerintahkan supaya jangan seseorang (menyesal dengan) berkata: Sungguh besar sesal dan kecewaku kerana aku telah mencuaikan kewajipan-kewajipanku terhadap Allah serta aku telah menjadi dari orang-orang yang sungguh memperolok-olokkan (agama Allah dan penganut-penganutnya).

Dari sudut perundangan, istilah *tafrit* digunakan bagi mentakrifkan perbuatan yang sepatutnya dilakukan atau ditinggalkan oleh seseorang yang mempunyai pemikiran yang waras. Hal ini dapat dilihat juga melalui frasa-frasa yang digunakan oleh para fuqaha' melalui tradisi perundangan Islam seperti '*adam al-tabassur*, *adam al-taharruz* dan *qillah al-ihdiraz*'. Walau bagaimanapun, para fuqaha' klasik dan kontemporari tidak menyebut secara khusus tentang istilah pengabaian serta tidak dibahaskan secara spesifik tentang perbincangan masalah pengabaian, namun terdapat satu istilah yang digunakan sehingga kini bagi menggantikan istilah *tafrit* daripada perkataan *farrata* iaitu *khata* yang bermaksud tersilap atau tidak sengaja atau menunjukkan kelemahan sesuatu perbuatan (al-Khatib, 1958; Ibnu Farhun, 1995; al-Zuhaili, 1998; Ibnu Manzur, t.th; Abdul Basir, 2009). Justeru, pengabaian dalam Islam disebut secara umum, namun terbuka kepada pemerintah untuk membuat peruntukan serta mengkategorikan pengabaian secara jelas.

Jaminan hukum syarak terhadap hak kanak-kanak daripada terabai dapat dilihat melalui al-Quran dan Hadis, pelbagai suruhan dan larangan dalam perlindungan kanak-kanak telah dijelaskan. Hak ini telah bermula sejak di alam rahim sebelum dilahirkan dan seterusnya di alam dunia selepas dilahirkan. Antara aspek perlindungan yang ditekankan ialah perlindungan kanak-kanak dalam hadanah, penyusuan, nafkah, harta pusaka, perwalian diri dan sabitan kebapaan (Sharifah Zahrah 1996). Oleh itu, pengabaian kanak-kanak akan berlaku jika ibu bapa atau penjaga tidak melaksanakan tanggungjawab perlindungan ini dengan sempurna. Setiap perlindungan ini menunjukkan bahawa Islam menjaga kepentingan terbaik kanak-kanak dalam memberikan jaminan kehidupan yang sejahtera.

Berbalik kepada kes pengabaian kanak-kanak yang berlaku di Malaysia, contohnya kes meninggalkan dan membiarkan kanak-kanak tinggal di rumah tanpa pengawasan orang dewasa semakin membimbangkan pada zaman sekarang. Situasi ini membawa kesan buruk sehingga menyebabkan kematian atau kecederaan yang serius kepada kanak-kanak. Pengabaian ini kebiasaannya berlaku atas desakan hidup yang menyebabkan ibu bapa atau penjaga terpaksa keluar bekerja menampung ekonomi keluarga. Sesetengah ibu bapa atau penjaga merasakan kanak-kanak yang berumur enam tahun ke atas sudah tahu berdikari dan layak untuk ditinggalkan bersendirian tanpa pengawasan. Hakikatnya, Islam telah menetapkan kewajipan penjagaan kanak-kanak sebelum berumur 21 tahun sehingga mereka tahu untuk menguruskan diri sendiri dan mentadbir harta (Mahyudin 1958 & Abu Zahrah 1970). Ini kerana, kanak-kanak merupakan insan kecil yang lemah dan tidak mampu untuk melindungi diri daripada ancaman bahaya seperti terjatuh, lemas, atau terbakar, penculikan, rompakan dan perkosaan.

Dalam hal ini, ibu bapa atau penjaga perlu bekerjasama dalam menentukan hala tuju sesebuah keluarga agar anak-anak tidak terabai. Sekiranya mampu, cukup hanya suami yang keluar mencari rezeki dalam menampung keluarga dan isteri mengambil alih tanggungjawab menjaga, memelihara dan mendidik anak. Dalam Islam, kewajipan menyediakan nafkah terletak kepada tanggungjawab seorang bapa atau suami. Perlindungan terhadap nafkah anak ini penting dalam menjamin hak kanak-kanak tidak terabai. Allah SWT telah menjelaskan perintah kewajipan pemberian nafkah ini menerusi surah al-Baqarah ayat 233:

Maksudnya: Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang ingin menyempurnakan penyusuan; dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan jangan juga menjadikan seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajiban tersebut jika bapa tiada...dan bertaqwalah kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat apa jua yang kamu lakukan.

Ayat ini menerangkan bahawa nafkah termasuklah susuan, makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan dan kebajikan isteri dan anak-anak wajib disempurnakan dan tidak boleh diabaikan oleh suami atau bapa. Rasulullah SAW juga sangat mendorong agar suami atau bapa sentiasa menitikberatkan tentang nafkah keluarga. Oleh itu, Rasulullah SAW mengingatkan kegagalan memberikan nafkah kepada orang yang berkewajipan di bawah tanggungan seseorang iaitu bapa kepada anak-anaknya merupakan satu dosa.

Walaupun bagaimanapun, perkara ini bukan bermaksud untuk menghalang seorang ibu daripada

bekerja dalam membantu menampung nafkah keluarga, namun isu ini perlu diseimbangkan agar anak-anak tidak terabai dalam mendapatkan perhatian dan pengawasan yang mencukupi. Ibu bapa atau penjaga perlu berusaha mengutamakan kepentingan kanak-kanak, membahagikan masa dan bertindak secara rasional dalam menjamin perlindungan kepada keluarga. Perkara ini dapat menghalang daripada berlaku kejadian-kejadian yang tidak diinginkan seperti mana yang sering dilaporkan media massa sejak kebelakangan ini.

Justeru, harus diingat bahawa Allah SWT akan memberi balasan yang setimpal di akhirat sekiranya ibu bapa atau penjaga gagal dalam melaksanakan hak perlindungan yang sepatutnya kepada anak-anak. Prinsip tanggungjawab dalam melindungi anak dapat dilihat melalui firman Allah SWT dalam surah al-Tahrīm ayat 6, iaitu Allah SWT telah memerintahkan ibu bapa atau penjaga untuk melindungi keluarga daripada seksaan api neraka. Perintah ini menunjukkan kewajipan kepada ibu bapa atau penjaga dalam memberikan perlindungan yang sebaiknya kepada anak-anak.

Jaminan terhadap hak kanak-kanak menurut undang-undang di Malaysia dinyatakan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-Negeri. Contohnya, kewajipan ibu bapa dalam memberi nafkah, hak hadanah, perwalian terhadap diri dan harta kanak-kanak dan kesahataran anak. Peruntukan-peruntukan ini merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk mengelakkan pengabaian terhadap kanak-kanak. Jika dilihat, tanggungjawab ibu bapa atau penjaga dalam memberi nafkah telah diperuntukkan di dalam seksyen 73 sehingga 81, tanggungjawab ibu bapa atau penjaga terhadap hak hadanah pula telah diperuntukkan di dalam seksyen 82 hingga 88. Seterusnya, seksyen 89 hingga 105 berkaitan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga terhadap perwalian terhadap diri dan harta kanak-kanak dan seksyen 111 hingga 120 berkaitan kesahataran anak (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor).

Berdasarkan peruntukan-peruntukan ini, ibu bapa atau penjaga boleh dikenakan hukuman jika mengabaikan tanggungjawab terhadap kanak-kanak. Contohnya, jika ibu bapa atau penjaga enggan atau cuai dalam memberi nafkah kepada anak-anak maka mahkamah akan mengeluarkan perintah penguatkuasaan nafkah. Bagi hak hadanah pula, ibu bapa atau penjaga akan hilang kelayakan jika syarat-syarat kelayakan dalam penjagaan tidak dapat disempurnakan. Perkara ini berlaku apabila ibu bapa atau penjaga cuai dalam penjagaan atau gagal memberi didikan yang sepatutnya kepada anak-anak. Dalam perwalian diri dan harta kanak-kanak pula, jika bapa mengabaikan atau membazir harta kanak-kanak maka hak penjaga boleh dipecat atau digugurkan dan melantik penjaga yang lain bagi menggantikannya. Kes seperti ini banyak berlaku ke atas harta anak yatim yang dipegang oleh penjaga

untuk menguruskannya. Seterusnya, kesahataran anak perlu dijaga bagi mengekalkan status sah seorang kanak-kanak dalam nasab. Jika seorang anak lahir tanpa ikatan perkahwinan yang sah, maka hubungan nasab hak anak tidak sah taraf ini akan menjadi tanggungjawab ibu dan ahli keluarga sebelah ibu dan tidak boleh dibin atau dibintikan kepada bapa yang menyebabkan kelahiran anak itu (Mahyeddin et.al 2018).

Sehubungan dengan itu, ibu bapa atau penjaga perlu memainkan peranan yang penting dalam memastikan kehidupan dalam sesebuah keluarga dapat dinikmati dengan sempurna. Mereka perlu bertolak ansur dan tidak bersikap mementingkan diri sendiri dalam mengejar arus pemodenan sehingga menyebabkan anak-anak terabai daripada mendapat keperluan perlindungan yang sepatutnya. Keperluan ini penting kepada anak-anak dalam apa jua situasi yang diperlukan. Hal ini bagi menjamin perkembangan masa depan yang baik kepada kanak-kanak. Menurut Wan Noor Hazlina (2003) *al-ʿamr bi al-maʿruf wa al-nahi an al-munkar* merupakan konsep tanggungjawab ibu bapa dalam melindungi keselamatan serta kesejahteraan kanak-kanak agar dapat mengelak daripada perkara yang memudaratkan fizikal, mental dan rohani.

Berdasarkan dengan apa yang telah diperintahkan oleh Allah SWT, maka jelas bahawa Islam menentang pengabaian kepada kanak-kanak. Pengabaian ialah perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam dalam menggariskan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh ibu bapa atau penjaga terhadap kanak-kanak. Hal ini kerana, anak adalah ujian dan cabaran kepada ibu bapa yang menjadi penyebab kepada perbuatan dosa dan pelanggaran terhadap apa-apa yang dilarang ketika melaksanakan tanggungjawab (www.mufti.gov.my). Oleh itu, ibu bapa atau penjaga harus memberikan perlindungan kepada anak sejak lahir dengan menyayangi tanpa mengira keadaan anak-anak, berlaku adil dalam setiap perkara, menjaga nama baik, dan melindungi anak dalam apa jua keadaan seiring dengan arena kehidupan moden pada hari ini.

PERLINDUNGAN TERHADAP HAK KANAK-KANAK YANG DIABAIKAN MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Kanak-kanak merupakan individu yang menjadi aset penting negara dalam penyambung nadi perkembangan negara pada masa hadapan. Hal ini menyebabkan kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif dalam menjamin kesejahteraan dan kepentingan terbaik kanak-kanak. Perlindungan kanak-kanak merupakan satu strategi yang dilaksanakan bagi mencegah salah satunya ialah kes pengabaian kanak-kanak (www.jkm.gov.my). Strategi ini telah dilaksanakan oleh beberapa dasar dan undang-undang seperti Dasar Kanak-kanak Negara dan Dasar Perlindungan Kanak-kanak

Negara, akta dan statut-statut perundangan di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, SUHAKAM telah mengklasifikasikan hak kanak-kanak kepada empat hak utama kebajikan kanak-kanak berdasarkan Perisytiharan tentang Hak Kanak-kanak 1989 yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada 17 Februari 1995. Hak-hak tersebut menjurus kepada aspek perlindungan, kelangsungan hidup, perkembangan dan penyertaan. Perkara ini dititikberatkan kerana pelbagai isu dan masalah pengabaian kanak-kanak semakin kritikal dalam era serba moden ini. Hal ini telah dibuktikan melalui laporan akhbar dan media massa yang sering kali menyogokkan berita-berita berkaitan dengan pengabaian dan kecuaihan ibu bapa atau penjaga terhadap kanak-kanak sehingga menjejaskan hak-hak yang diperlukan oleh mereka.

Perlindungan dari segi pengawasan dan pengawalan kanak-kanak telah diperuntukkan dalam Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 bagi membendung masalah ini. Hal ini seperti mana yang telah dinyatakan dalam seksyen 17(1)(c) Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak ini. Menurut SUHAKAM, kanak-kanak diberi hak perundangan dan perkhidmatan sokongan yang diperlukan dalam membanteras eksploitasi yang melibatkan keganasan dalam bentuk pengabaian selari dengan Dasar Perlindungan Kanak-kanak 2009.

Selain itu, penekanan juga diberikan pada keluarga yang berisiko tinggi supaya kanak-kanak dalam keluarga tersebut dapat menikmati hak mereka dengan adil dan tidak terabai. Kanak-kanak tanpa keluarga, kanak-kanak jalanan, kanak-kanak tanpa dokumen, kanak-kanak tercicir, kanak-kanak yang terlibat dengan penagihan dadah dan kanak-kanak yang berada dalam situasi genting, kepayahan dan bahaya-bahaya lain juga diberikan hak dalam perlindungan ini. Hak-hak ini selari dengan perkara-perkara yang telah diratifikasi melalui Perisytiharan tentang Hak Kanak-Kanak, iaitu dalam Perkara 19 yang berkaitan perundangan, pentadbiran, sosial, dan pendidikan yang sewajarnya dalam memberi perlindungan kepada kanak-kanak.

Seterusnya, bagi perlindungan hak asasi pula, Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 di bawah seksyen 17(1)(d) juga telah memperuntukkan jaminan bentuk perlindungan ini. Keperluan asasi ini penting dalam menjamin kelangsungan hak hidup dan hak perkembangan kanak-kanak. Perkara ini telah dijelaskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang merangkumi penyediaan keperluan asas seperti identiti, tempat tinggal, keselamatan, makanan, minuman, pakaian, kasih sayang, keselamatan dan persekitaran yang kondusif dan mesra. Selain itu, penjagaan kesihatan melalui kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti juga penting demi kelangsungan hidup kanak-kanak. Jika pelaksanaan ini dijalankan dengan sistematik, maka kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak dapat dipelihara dengan sebaiknya.

Di samping itu, melalui perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak yang berkualiti juga mampu meningkatkan rangsangan kepada perkembangan optimum kanak-kanak (www.jkm.gov.my). Dalam memenuhi hak perkembangan ini juga, penyediaan prasarana dan persekitaran mesra kanak-kanak serta memperluas program dan kemudahan khusus bagi perkembangan kanak-kanak kurang upaya dalam semua aspek juga dilaksanakan. Antara program yang dilaksanakan ialah pengesanan dan intervensi awal, pemulihan, pendidikan dan pengintegrasian semula dalam masyarakat. Hak-hak ini telah dinyatakan secara jelas dalam Perkara 6, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak secara umumnya dan bersangkutan secara khusus dengan Perkara 9, 10, 24, 23, 25, 26, 27, 28, 29, 31, 37(a) dan 38 di dalam konvensyen yang sama.

Di samping itu, perlindungan-perindungan lain dapat dilihat melalui hak penyertaan, ia membabitkan kanak-kanak diberi peluang untuk menyatakan pandangan secara bertanggungjawab dan beretika di samping kanak-kanak dapat melibatkan diri dalam aktiviti berkaitan yang dapat memberikan maklumat berkualiti dan bahan bersesuaian daripada pelbagai sumber dan sebagainya (Child Rights Coalition Malaysia 2012). Hak dalam perlindungan ini juga dapat dilihat dalam Perkara 7, 8, 12, 13, 14, 15, 16, 17 di dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak.

Beberapa peruntukan undang-undang diluluskan dan dilaksanakan berkaitan dengan perlindungan ke atas kanak-kanak seperti Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016, Akta Keganasan Rumah Tangga, Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan lain-lain. Walau bagaimanapun, Akta Kanak-kanak 2001 (Pindaan) 2016 sahaja yang digunakan dalam pendakwaan kes-kes pengabaian kanak-kanak berbanding dengan akta yang lain. Akta ini merupakan pindaan terbaru daripada Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 yang wujud sebelum ini yang dilaksanakan bagi memperketat lagi peruntukan sedia ada. Akta ini merupakan hasil ratifikasi Malaysia terhadap Perisytiharan tentang Hak Kanak-kanak dalam menegakkan hak hidup, hak perlindungan, hak berkembang dan hak penyertaan.

Sehubungan dengan itu, semua kes pengabaian kanak-kanak akan disiasat mengikut seksyen 31 Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 yang boleh dihukum dengan denda maksimum RM50,000 atau penjara 20 tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan (seksyen 31 (1)(a) Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016). Sebelum pindaan 2016 ini dibuat, hukuman denda yang dikenakan kepada pesalah hanyalah denda maksimum RM20,000 atau penjara 10 tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

Bagaimanapun, kes pengabaian kanak-kanak juga boleh dikaitkan dengan kesalahan dalam Kanun

Keseksaan (Akta 574) jika wujud elemen kematian. Hal ini tidak dapat dinafikan kerana kebanyakan kes pengabaian akan berakhir sama ada dengan kematian ataupun kecacatan yang berpanjangan. Kesalahan sebegini boleh dikaitkan dengan kesalahan membunuh atau percubaan membunuh. Jika disabitkan dengan kesalahan membunuh maka boleh disiasat mengikut seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dikenakan hukuman gantung sampai mati. Bagi kesalahan percubaan membunuh pula, ia disiasat mengikut seksyen 307 yang membawa hukuman penjara 20 tahun.

Oleh itu, undang-undang yang dilaksanakan dan dikuatkuasakan dilihat sebagai satu inisiatif dalam membentuk mekanisme terbaik dalam usaha untuk mengawal dan mengurangkan kes pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa atau penjaga yang semakin membimbangkan. Hukuman yang setimpal sebegini sedikit sebanyak akan memberikan kesedaran dan pengajaran kepada mereka yang terlibat daripada mengulangi kesalahan yang sama. Bahkan undang-undang ini dapat memberikan perlindungan, pemeliharaan, pemuliharaan, perkembangan dan penyertaan yang tepat kepada kanak-kanak. Hal ini dapat menjamin segala bentuk hak dan kedudukan kanak-kanak dalam meniti kehidupan yang normal dan sempurna.

KESIMPULAN

Anak ialah anugerah yang tidak ternilai yang diberikan oleh Allah SWT kepada ibu bapa. Antara jaminan hak kanak-kanak menurut hukum syarak dapat dilihat di dalam hak hadanah, penyusunan, nafkah, harta pusaka, perwalian diri dan sabitan kebapaan. Mengabaikan dan mencuaikan anak bukanlah satu sifat yang baik malah ia satu perbuatan yang perlu dibanteras dengan tindakan yang sepatutnya. Hal ini dapat dilihat apabila pengabaian dan kecuaiannya ini menjadi satu fenomena yang membimbangkan sehingga memberikan kesan bahaya kepada kanak-kanak. Oleh sebab itu, Islam melarang perbuatan ini sekeras-kerasnya kerana menggugat hak dan kedudukan kanak-kanak.

Sistem perundangan di Malaysia memberikan jaminan perlindungan kepada kanak-kanak daripada pengabaian ibu bapa atau penjaga. Beberapa dasar dan undang-undang berkaitan dengan kanak-kanak telah dirangka, digubal dan dilaksanakan seperti Dasar Kanak-kanak Negara, Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016, Kanun Keseksaan serta beberapa peruntukan lain dalam enakmen keluarga Islam. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki dalam menjamin kelancaran sistem perundangan itu sendiri. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama dalam melaksanakan tindakan yang lebih sistematik dan teratur. Perkara ini dapat memberi kesedaran kepada segelintir ibu bapa atau penjaga yang tidak bertanggungjawab selari dengan prinsip maqāṣid shar'īyyah dalam menjaga kebaikan dan menolak

keburukan. Setiap tindakan atau langkah yang diambil hendaklah untuk kepentingan terbaik kanak-kanak.

RUJUKAN

- al-Quran al-Karim.
Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016.
al-Albani, Muhammad Nasiruddin. T.th. *Shahih al-Nasai*. 1999. T.tp: Maktabah al-Ma'aruf.
Aminah Ayob. 2017. Dilema Kanak-kanak di Malaysia. *Prosiding Seminar Isu-isu Semasa Pendidikan Awal Kanak-kanak*, Universiti Pendidikan Sultan Idris: 13 Mei
Anon. 2018. Penganiayaan kanak-kanak, di mana sudahnya?. *Utusan*. 12 September.
Anon. 2016. Jangan jadikan kemiskinan abai pendidikan anak-anak. *Borneo Today*. 27 Oktober.
Anon. 2017. Wanita abai kanak-kanak didenda RM10,000. *Astro Awani*. 11 Januari.
Anon. 2018. Kanak-kanak maut digilis kereta dipandu bapa. *Berita Harian*. 31 Ogos.
Azhariah Fatia. 2014. Perlindungan anak dalam perspektif Islam. *Al-Muqaranah*. 5(1): 1-27
Azizi Majid. 2017. JKM selamatkan 3 beradik ditinggalkan ibu bapa. *Utusan*. 06 Ogos
Child Rights Coalition Malaysia. 2012. Laporan Mengenai Status Hak Kanak-kanak Di Malaysia. <http://www.mcri.org.my/wp-content/uploads/CRC-Report-Bahasa.pdf>. [16 Mei 2018].
Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 200.
Fairus Bahari. 2019. Temubual Jabatan Kebajikan Masyarakat. Statistik pengabaian kanak-kanak. 08 Februari.
al-Ghundur, Ahmad. 1992. *al-Ahwal al-Shakhsīyyah fi al-Tashri' al-Islami*. Kuwait: Maktabat al-Fallah.
HM. Budiyanto. 2014. Hak-hak anak dalam perspektif Islam. *Jurnal Studi Gender dan Anak*. 1(1).
Ibrahim Isa. 2018. Bayi maut akibat difteria. *Harian Metro*. 17 Oktober.
Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2013 - Jun 2018). Buku Laporan Statistik Malaysia.
Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2017. Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan Malaysia (2016). <https://goo.gl/DqHB9z> [19 Mei 2017].
Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2010. Dasar Kanak-kanak Negara. www.jkm.gov.my [23 Mac 2018].
Jabatan Perangkaan Malaysia. 2018. Penerbitan Statistik Kanak-kanak Malaysia.
al-Marghinani, Burhanuddin Ali ibn Abi Bakr. 2000. *al-Hidayah Sharh Bidayat al-Mubtadi*. Kaherah: Dar al-Salam.

- Mohammad Ramzi Zakaria. 2015. Kecuaian dan pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa: kedudukannya di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan prinsip syariah. *JUUM*. 19:37- 49
- Muhammad Abu Zahrah. 1970. *Al-Wilayah 'ala al-Nafs*. Beirut: Dar Al-Raid al-Arabi.
- Muhammad Ibrahim an-Nu'aim. 2005. *Mendidik Anak Perempuan*. Ed. 1. Jakarta: Gema Insani.
- Muhammad Mahyudin Abd. Hamid. 1958. *Al-ahwal al-shaksiah fi al-shariah al-Islamiah*. Beirut: al-Maktabah al-Alamiyyah.
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad & Nur Mohammad Hadi Zahalan. 2018. Pengurusan dan perlindungan anak tak sah taraf melalui baby hatch: satu penilaian daripada perspektif maqasid syariah dan undang-undang Malaysia. *Journal of Islamic Sciences and Humanities*. 13: 87-102.
- Mustafa 'Afifi Ab Halim, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Rezki Perdani Sawai, Nurhafizah Muhd Shukor, Dini Farhana Baharuddin, Joki Perdani Sawai, Abd Halim Mohd Hussin. 2013. Bayi yang dibuang: hak dan kedudukan bayi disisi undang-undang. *Malaysian Law Journal*. 25(5).
- Nor'Asyikin Hamzah. 2018. Pelaksanaan Peruntukan Perlindungan dan Kebajikan Kanak-kanak Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia: Kajian Dari Perspektif Konvensyen Hak Kanak-kanak 1989. Tesis Dr. Fal, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Noralina Omar. 2016. Ekologi Keluarga Dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak Miskin Di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial. Universiti Malaya.
- Norhidayu Mohd. Hasan. 2015. Kanak-Kanak Maut Jatuh Bangunan. *Utusan*. 31 Januari
- Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mohd Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik kes penderaan kanak-kanak di Malaysia: satu analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*. 5: 17-24.
- al-Qalyubi, Shahab al-Din Ahmad Bin Ahmad Bin Salamah al-Qalyubi al-Misri. 1965. *Hashiyah*. Jil 1. Kaherah.
- Rohana Ismail. 2018. Budak 18 bulan lemas dalam baldi. *Sinar Harian*. 1 Februari.
- Roos Niza. 2017. Undang-undang pastikan ibu bapa bertanggungjawab terhadap keselamatan anak-anak. *Utusan*. 15 Mei.
- Safina Ramli. 2016. Wajibkan vaksin. *Utusan*. 29 Jun.
- Sarah Zulkifli. 2018. Juruukur tanah didakwa abai anak perempuan sehingga mati. *Utusan*. 22 November.
- al-Sayid, Sabiq. 1973. *Fiqh Al-Sunah*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kitab.
- Sharifah Zahrah Syed Mohamad. 1996. Perlindungan Kanak-kanak Dalam Islam dan Pelaksanaannya Menurut Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. Disertasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Subathirah Chelapah, Janagi Kurusamy & Aminah Ayob. 2017. Kesan kemiskinan tegar terhadap kesihatan dan pencapaian akademik kanak-kanak: satu kajian kes di Mentakab, Pahang. *Prosiding Seminar Isu-isu Semasa Pendidikan Awal Kanak-kanak*, Universiti Pendidikan Sultan Idris: 13 Mei
- al-Syatibi, Ibrahim Musa. 2003. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- UNICEF Malaysia. 2010. Pengabaian dan penderaan kanak-kanak. www.unicef.org/malaysia/GetonBoard [3 Januari 2017].
- UNICEF. 2010. <http://www.uniteagainstabuse.my>. [13 Ogos 2017].
- Vivi Sumanti. 2017. Lima beranak tinggal di rumah penuh sampah. *Astro Awani*. 27 Ogos.
- Wan Noor Hazlina Wan Jusoh. 2003. Penganiayaan Kanak-Kanak: Suatu Kajian Mengikut Undang-Undang di Malaysia. Tesis Sarjana, Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam. Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya.
- al-Zuhaili, Wahbah. T.th. *al-Fiqh al-Islamiyyah wa Adillatuh*. Jil. 7. Hlm. 673-696.
- Zanariah Noor. 2015. Penderaan kanak-kanak oleh ibu bapa atau penjaga dan implikasinya mengikut undang-undang sivil dan undang-undang keluarga Islam di Malaysia. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 7(2): 66-80.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2015. Anak Ihsanilah. www.mufti.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1810-anak-ihsanilah.

Nurul Izzah Izzati Hashim,
izzatiizzah79@yahoo.com,
Pelajar Pascasiswazah
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA.

Wafaa Yusof
wafaa@ukm.edu.my
Zuliza Mohd Kusrin
zuli@ukm.edu.my
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA.

KANDUNGAN / CONTENTS

| | |
|--|-------|
| The Latest Amendments in the Foreign Investment Law in Saudi Arabia Sarah Alshahrani | 1-7 |
| Ciri-Ciri Akhlak Usahawan Muslim Berjaya dan Hubungannya Dengan Cara Berkembangnya Harta serta Matlamat Hidup Menurut Perspektif Al-Qur'an <i>The Conduct of Successful Muslim Entrepreneurs and its Relation with Wealth Accumulation Ways and Purpose of Life from the Quranic Perspective</i> Suhaila Nadzri, Salmy Edawati Yaacob | 8-17 |
| Pengabaian Kanak-Kanak dan Jaminannya Menurut Syarak dan Undang-Undang di Malaysia <i>Child Neglect and Legal Protection According to Shariah and Law in Malaysia</i> Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa' Yusof, Zuliza Mohd Kusrin | 18-28 |
| Bitcoin: Analisis Mata Wang Maya Menurut Perspektif Siyāṣah Shar'iyah <i>Bitcoin: An Analyst on Virtual Currency from Siyasaḥ Shar'iyah Perspective</i> Muhammad Amir Husairi Che Rani, Ahmad Dahlan Salleh | 29-40 |

Journal of Contemporary Islamic Law

(2019)Vol. 4(1)

Editor-In-Chief

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editors

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Iknor Azli Ibrahim

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Centre for Contemporary Fiqh and Sharia
Compliance,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2019), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 4(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivate Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.